

26 JUL 2002

Powell-Lawat/I

POWELL AMBIL PENDEKATAN "MENDENGAR" PADA LAWATAN ASEAN

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 26 Julai (Bernama) -- Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell, bercadang mengambil pendekatan "mendengar" apabila beliau melakukan lawatan pertamanya ke Malaysia dan negara-negara lain di rantau itu bagi menilai keselamatan dan usaha untuk memerangi keganasan.

Powell, yang akan singgah di Kuala Lumpur pada Isnin berkata: "Saya ingin sekali bertukar-tukar pandangan mengenai keadaan di rantau itu, kempen kami terhadap keganasan, dan apakah peluang-peluang yang ada bagi lebih banyak perdagangan dan pelaburan di Malaysia."

"Ini adalah peluang pertama saya sebagai setiausaha negara untuk melawat Malaysia dan saya memang menanti-nantikannya. Ia adalah sebuah negara yang amat penting yang mempunyai kedudukan strategik," kata bekas Ketua Turus bersama di bawah pentadbiran bekas Presiden George Bush.

"Saya juga akan mengambil pendekatan mendengar. Saya dapati ianya bermanfaat pada lawatan saya ini bagi membawa mesej setiakawan, mesej sokongan.

"Sekiranya terdapat perbezaan pendapat - bincang perbezaan itu, kemudiannya dengar supaya saya dapat mendengar pandangan mereka yang saya lawati, dan bawa balik pandangan itu ke Washington dan sampaikan kepada presiden, anggota Kongres dan rakyat Amerika," katanya kepada lima wartawan Asia, termasuk Bernama, dalam temubual meja bulat di Jabatan Negara.

Powell akan melakukan lawatan lapan hari bermula Sabtu ke India, Pakistan, Bangkok, Kuala Lumpur, Singapura, Bandar Seri Begawan (untuk menghadiri Forum Serantau Asean), dan kemudiannya meneruskan lawatan ke Jakarta dan Manila.

Sepuluh negara anggota Asean dijangka akan mengguna pakai cadangan deklarasi anti-keganasan di ARF di Brunei.

Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata di Kuala Lumpur bahawa isi kandungan deklarasi Asean itu akan serupa dengan yang ditandatangani oleh KL dan Washington ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di sini sebagai tetamu Presiden George W. Bush pada Mei.

Di bawah perjanjian itu, KL bersetuju untuk bekerjasama dengan Washington dalam berkongsi maklumat kewangan dan kawalan imigresen.

Powell berkata kempen menentang keganasan telah diberikan tumpuan pada mesyuarat-mesyuarat pada ARF yang mungkin tidak wujud sebelum ini.

Mengenai Indonesia, Powell berkata: "negara itu perlu menangani keganasan menerusi gabungan kaedah perundangan - mengesan organisasi haram dan mengesan kewangan haram - mereka perlu memperbaiki keupayaan risikan mereka, mereka perlu memperbaiki keupayaan penguatkuasaan mereka dan mereka perlukan komitmen untuk memburu pengganas."

Mengenai ketenteraan Indonesia, bekas jeneral itu berkata bagi sebuah organisasi tentera untuk mendapatkan sokongan rakyat, ia perlu menunjukkan bahawa yang ia mempertahankan negara, ia mempertahankan rakyat - melakukannya dengan cara melindungi hak asasi manusia dan maruah manusia.

"Dan kami telah membincangkan perkara ini dengan rakan-rakan kami di seluruh dunia, termasuk Indonesia. Berdasarkan hubungan antara ketenteraan kami dengan Indonesia, kami sedang menyemak semula semua program berkenaan. Kami mungkin mempunyai sesuatu untuk diperkatakan di Brunei," katanya.

Sementara itu, momentum semakin meningkat di Kongres Amerika Syarikat bagi mengadakan semula program latihan ketenteraan bagi Indonesia, yang telah diharamkan berikutan pertuduhan pembunuhan beramai-ramai oleh tentera

Indonesia di Timor Timur, pengedaran dadah dan rasuah.

Mengenai Aceh, Powell berkata Amerika Syarikat sentiasa menggalakkan perdamaian dalam mencari penyelesaian politik secara aman terhadap masalah itu. "Apabila sebuah negara percaya bahawa adalah perlu untuk menggunakan pasukan tentera - kami akan sentiasa menggalakkan ia dilakukan secara konsisten dengan peraturan undang-undang negara itu, konsisten dengan standard yang diterima antarabangsa."

"Saya memang ingin sekali melawat dan mendengar pandangan-pandangan para pemimpin Indonesia berhubung situasi yang mereka hadapi di Aceh dan tempat lain dan pulang dengan pemahaman yang lebih baik," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai laporan bahawa beliau merancang untuk meletakkan jawatan bagi menceburi politik, Powell berkata: "Saya tidak mempunyai sebarang perancangan politik, tiada rancangan untuk bertanding - tidak pernah sejak tujuh tahun lepas.

"Atas sebab-sebab tertentu, media merasakan adalah perlu untuk setiap dua minggu untuk menulis cerita sama ada saya di sini atau di sana, sama ada saya ada atau sama ada saya tiada, dan sama ada saya akan meletak jawatan atau sama ada saya akan kekal selamanya. Tetapi saya tiada sebarang rancangan untuk meletakkan jawatan dan saya tertanya-tanya kenapa mereka terus menulis cerita berkenaan setiap dua minggu.

-- BERNAMA

SH HS RHM